

e-Prosiding **PERSIDANGAN TAHUNAN PERPUSTAKAAN MALAYSIA** **2024**

"Perpustakaan Mengalis Masa Hadapan: Berinovasi, Beradaptasi, Cemerlang"

Albukhary International University (AIU), Alor Setar, Kedah

6 - 8 Ogos 2024



Ditaja Oleh:

e-Prosiding
**PERSIDANGAN TAHUNAN
PERPUSTAKAAN MALAYSIA**
— 2024

"Perpustakaan Mengalis Masa Hadapan: Berinovasi, Beradaptasi, Cemerlang"

Albukhary International University (AIU), Alor Setar, Kedah

6 - 8 Ogos 2024

@Persatuan Pustakawan Malaysia 2024

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian prosiding ini dalam apa-apa jua bentuk dan cara, samada secara elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman dan cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Persatuan Pustakawan Malaysia.

PERSATUAN PUSTAKAWAN MALAYSIA
P.O Box 12545
50782 Kuala Lumpur
Malaysia
Tel: (03) 2694 7390 Fax: (03) 2694 7390

Pereka Bentuk Kulit:

Nur Fareesha Aqmal Mohd Rasid

Penyusun:

Siti Azizah Md Nor (UIAM)

Norhidayah Salleh

Dr. Imilia Ibrahim

Dr. Nor Edzan Binti Che Nasir

Sabariah Binti Abd Samad (UiTM Sarawak)

Syazwani Syamimi Binti Mat

Pauzi (UTM)

Siti Sumaizan Binti Ramli

Rohaya Binti Umar

e-ISBN: 2805 - 5101

Libraries - Malaysia - Congresses

Libraries and community - Malaysia - Congresses

Libraries sciences - Societies, etc. - Malaysia - Congresses

e-Prosiding
PERSIDANGAN TAHUNAN
PERPUSTAKAAN MALAYSIA

2024

"Perpustakaan Mengalis Masa Hadapan: Berinovasi, Beradaptasi, Cemerlang"

Albukhary International University (AIU), Alor Setar, Kedah

6 - 8 Ogos 2024



UCAPAN ALUAN



e-Prosiding
**PERSIDANGAN TAHUNAN
PERPUSTAKAAN MALAYSIA**

. 2024

"Perpustakaan Mengalis Masa Hadapan: Berinovasi, Beradaptasi, Cemerlang"

Albukhary International University (AIU), Alor Setar, Kedah

6 - 8 Ogos 2024



*YBrs Ghazali Mohamed Fadzil, PhD
Presiden
Persatuan Pustakawan Malaysia
(PPM)*

Bismillahirrahmanirrahim...

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Saya amat berbesar hati untuk mempersembahkan prosiding Persidangan Tahunan Perpustakaan Malaysia 2024, yang telah berlangsung baru-baru ini di Albukhary International University (AIU). Persidangan tahunan ini sekali lagi membuktikan bahawa ia adalah platform yang amat bermakna untuk berkongsi ilmu pengetahuan, memperkukuhkan lagi kerjasama dan meneroka idea-idea inovatif dalam sektor perpustakaan.

Tema yang diangkat untuk persidangan pada tahun ini, "Perpustakaan Mengalis Masa Hadapan: Berinovasi, Beradaptasi dan Cemerlang", mencerminkan peranan perpustakaan yang semakin berkembang dalam dunia yang berubah dengan pantas.

Perpustakaan kini bukan lagi sekadar organisasi yang menguruskan buku; sebaliknya, ia telah menjadi institusi penting dalam pembangunan ilmu, masyarakat, dan sosial. Persidangan ini memberi ruang untuk mengupas peranan baharu ini, membincangkan bagaimana perpustakaan dapat menyesuaikan diri dan berinovasi secara strategik agar kekal relevan dalam era digital yang semakin pantas berkembang.

Fokus utama perbincangan PTPM 2024 adalah berkaitan dengan perkembangan teknologi yang dilihat begitu penting dalam mewujudkan perpustakaan kalis masa hadapan. Namun begitu, transformasi yang sebenar haruslah bermula dengan merubah cara berfikir. Keupayaan untuk berfikir secara strategik, memupuk kerjasama merentas bidang kepakaran dan menerima model baharu dalam perusahaan sosial yang melibatkan semua lapisan masyarakat telah diketengahkan sebagai pemacu utama untuk memastikan perpustakaan terus berkembang pada masa hadapan.

Prosiding ini merangkumi perincian hasil daripada perbincangan dalam bengkel dan pembentangan yang berlangsung sepanjang persidangan ini. Pendapat dan pandangan yang dikongsi oleh pakar, pengamal dan pemimpin yang kritis pasti akan menjadi sumber rujukan yang amat bernilai bagi perpustakaan, pustakawan dan semua pemegang taruh yang mempunyai minat yang mendalam terhadap masa hadapan budaya ilmu.

Bagi pihak jawatankuasa penganjur, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua peserta, pembentang, dan rakan strategik atas kerjasama yang diberikan sepanjang Persidangan Tahunan Perpustakaan Malaysia 2024. Penghargaan istimewa juga ditujukan kepada Albukhary International University (AIU) atas kesudian menjadi tuan rumah dan menyediakan kemudahan yang kondusif untuk acara yang bersejarah ini. Semoga ilmu yang dikongsi di sini terus memberi inspirasi dan panduan kepada kita dalam merintis hala tuju masa hadapan perpustakaan di Malaysia dan di peringkat antarabangsa.

e-Prosiding
PERSIDANGAN TAHUNAN
PERPUSTAKAAN MALAYSIA

2024

"Perpustakaan Mengalis Masa Hadapan: Berinovasi, Beradaptasi, Cemerlang"

Albukhary International University (AIU), Alor Setar, Kedah
6 - 8 Ogos 2024



PENGENALAN PTPM 2024



e-Prosiding
**PERSIDANGAN TAHUNAN
PERPUSTAKAAN MALAYSIA**
2024

"Perpustakaan Mengalis Masa Hadapan: Berinovasi, Beradaptasi, Cemerlang"

Albukhary International University (AIU), Alor Setar, Kedah
6 - 8 Ogos 2024

Pengenalan PTPM 2024

Persidangan Tahunan Perpustakaan Malaysia (PTPM) 2024 telah berlangsung dengan jayanya di Albukhary International University (AIU), Alor Setar, Kedah dari 6 hingga 8 Ogos 2024. Dengan tema “Perpustakaan Mengalis Masa Hadapan: Berinovasi, Beradaptasi, Cemerlang”, persidangan ini menghimpunkan lebih 300 peserta dari Malaysia, Indonesia, dan Brunei yang terdiri daripada pustakawan, pengarah perpustakaan, dan ahli industri.

Apa yang menarik, sesi pra-persidangan telah diadakan pada 5 Ogos 2024, memberi fokus kepada penerapan kecerdasan buatan (AI) dalam perkhidmatan perpustakaan. Perbincangan meliputi bagaimana AI dapat membantu pustakawan menyesuaikan perkhidmatan mengikut keperluan pengguna serta memudahkan pengurusan maklumat.

Persidangan ini juga menampilkan 10 sub-tema utama yang merangkumi aspek teknologi, kepimpinan, perkhidmatan berteraskan pengguna, pemeliharaan budaya, pembelajaran sepanjang hayat, pengurusan harta intelek, dan lain-lain yang mencerminkan kepelbagaian isu dalam dunia kepustakawanan.

Dalam ucapan perasmian, Naib Canselor AIU, YBhg. Professor Dato’ Ir. Dr. Mohd Salleh Jaafar menekankan bahawa perpustakaan perlu bergerak seiring dengan perubahan teknologi dan memahami keperluan generasi digital masa kini. Beliau juga menegaskan bahawa kerjasama dan perkongsian pengetahuan adalah kunci dalam menyesuaikan diri dengan dunia yang semakin kompleks.

Presiden Persatuan Pustakawan Malaysia (PPM), Dr. Ghazali Mohd Fadzil, dalam ucapan penutupnya menyatakan bahawa PTPM 2024 telah berjaya mencapai objektifnya untuk memperkukuh jaringan profesional dan menggalakkan inovasi dalam kalangan pustakawan. Beliau menyifatkan persidangan ini sebagai medan penting untuk berkongsi idea, strategi dan penyelesaian bagi memastikan perpustakaan kekal relevan dan berdaya saing.

Secara keseluruhannya, PTPM 2024 bukan sahaja memberi inspirasi kepada peserta untuk meneroka peluang baharu dalam bidang kepustakawanan, tetapi turut mengukuhkan peranan perpustakaan sebagai hab komuniti yang dinamik dan adaptif. Persidangan ini menandakan satu lagi langkah penting ke arah memperkasakan perpustakaan di seluruh Malaysia dalam menghadapi cabaran masa hadapan.



ISI KANDUNGAN



e-Prosiding
**PERSIDANGAN TAHUNAN
PERPUSTAKAAN MALAYSIA**
2024

"Perpustakaan Mengalis Masa Hadapan: Berinovasi, Beradaptasi, Cemerlang"

Albukhary International University (AIU), Alor Setar, Kedah
6 - 8 Ogos 2024

Table of Contents

SUB THEME 1: INNOVATIVE TECHNOLOGY AND DIGITAL TRANSFORMATION	10
THE FUTURE OF ARCHIVES: EVOLVING ARCHIVAL RECORDS MANAGEMENT SYSTEMS IN THE DIGITAL ERA	11
BIBLIOMETRIC ANALYSIS OF ARTIFICIAL INTELLIGENCE (AI) RESEARCH IN LIBRARY: A STUDY BASED ON SCOPUS DATABASE	16
TRANSFORMASI PENGURUSAN REKOD SEKTOR AWAM NEGERI SARAWAK	27
PEMBUDAYAAN INOVASI TUNJANG KECEMERLANGAN PERPUSTAKAAN MASA HADAPAN	33
DESIGNING A CORPORATE DIGITAL ASSET REPOSITORY	49
SUB THEME 2: USER-CENTRIC SERVICES AND PERSONALIZED EXPERIENCE	58
BEYOND THE WORDS: READING ALOUD AND TEACHERS' SENSE-MAKING IN PUBLIC ELEMENTARY SCHOOLS SIDOARJO	59
ONE SPACE FITS ALL: FROM A BASIC LIBRARY TO A KNOWLEDGE AND INFORMATION HUB	71
PERPUSTAKAAN MENGALIS MASA HADAPAN - BERINOVASI, BERADAPTASI, CEMERLANG: PERPUSTAKAAN DAN RUANG SOSIAL	78
LIBRARY AS A FORUM TO DISSEMINATE LEGISLATION IN IT ILLITERATE SOCIETY	95
PEMBANGUNAN REPOSITORI PENYELIDIKAN UNIMAP BERASASKAN PERISIAN SUMBER TERBUKA : CURRENT RESEARCH INFORMATION SYSTEM (CRIS)	103
PERKHIDMATAN BAGI GOLONGAN OKU PENGLIHATAN DI	116
PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM PULAU PINANG (PPAPP)	116
SUB THEME 3: LIFELONG LEARNING AND CONTINUING EDUCATION	121
PENGALAMAN PUSTAKAWAN UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA DALAM MENAVIGASI MAKLUMAT KETENTERAAN DAN KESELAMATAN	122
LIMITED TIME, BIG IMPACT: OPTIMIZING LIBRARY INSTRUCTION MODULES IN SWINBURNE SARAWAK LIBRARY	131
PERPUSTAKAAN SEBAGAI PUSAT KOMUNITI DALAM HAB SOSIAL	148
GRUP PENGKARYA PUSTAKAWAN: KOLABORASI WARGA PERPUSTAKAAN MELALUI PENULISAN KE ARAH PEMBANGUNAN PROFESIONAL DAN PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT	162
PERPUSTAKAAN TUANKU SYED FAIZUDDIN PUTRA (PTSFP) 2025: STRATEGI KEKAL RELEVAN DAN BERDAYASAING	180
SUB THEME 4: CULTURAL PRESERVATION AND DIVERSITY	188
ARCHIVING TODAY'S KNOWLEDGE AND RECORDS FOR TOMORROW ACCESSIBILITY AND BROWSING (AKRAB): PRESERVING LOCAL COMMUNITY HERITAGE AND HISTORY AT DARUL HANA SETTLEMENT PROJECT THROUGH CONSERVATION AND DIGITIZATION PROGRAM	189
PEMELIHARAAN PELAN LUKISAN BANGUNAN MINDEN BARRACKS: INISIATIF PERPUSTAKAAN UNIVERSITI SAINS MALAYSIA	197
NASKHAH MANUSKRIP MELAYU KOLEKSI PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA SEBAGAI KHAZANAH DAN KEPELBAGAIAN CITRA BUDAYA BANGSA MALAYSIA	205
LIBRARY AS SUPPORTER OF INDIGENOUS KNOWLEDGE AND RESOURCES: SOCIOLOGICAL PERSPECTIVE ON CULTURAL IDENTITY PRESERVATION	220

UNIVERSITY ARCHIVES AS CUSTODIANS OF INSTITUTIONAL HERITAGE	227
GALERI DIGITAL PERPUSTAKAAN TUANKU SYED FAIZUDDIN PUTRA: TRANSFORMASI DIGITAL DALAM PEMULIHARAAN DAN PEMELIHARAAN GALERI PAMERAN UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS (UNIMAP)	234
PUSAT WARISAN INTELEK NEGERI PAHANG	246
PELESTARIAN BAHAN NADIR KOLEKSI PULAU PINANG (KPP): PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM PULAU PINANG (PPAPP) SEBAGAI WARISAN DIGITAL	250
SUB THEME 5: COMMUNITY AND SOCIAL SPACES	262
PROGRAM SUMBANGAN BUKU	263
LITTLE BAD WOLF YANG DIGERAKKAN OLEH PERPUSTAKAAN UNIVERSITI MALAYA (PUM)	263
SOCIAL AFFORDANCE OF COLLABORATIVE LEARNING SPACES:	266
AN IMPACT SURVEY ON UNIVERSITI TENAGA NASIONAL INFORMATION RESOURCE CENTRE (UNITEN IRC) STUDENTS	266
LIBRARY IN THE SHIP CAMPUS	282
PERANAN PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH DALAM INISIATIF UTHM PRIHATIN: STRATEGI, SINERGI DAN IMPAK	300
ENHANCING EDUCATIONAL RESOURCES AND SUSTAINABILITY: THE NEED PROJECT ON RURAL SCHOOL LIBRARIES IN KEDAH, MALAYSIA.	315
A SOCIAL BUSINESS, AS DEFINED BY PROFESSOR MUHAMMAD YUNUS, IS A BUSINESS CREATED TO SOLVE SOCIAL ISSUES IN A FINANCIALLY SUSTAINABLE WAY. A SOCIAL BUSINESS IS ESTABLISHED PRIMARILY TO PURSUE SOCIAL OR ENVIRONMENTAL GOALS RATHER THAN PERSONAL ECONOMIC GAIN. ANY BUSINESS THAT FOLLOWS THESE SEVEN PRINCIPLES IS CATEGORIZED AS A SOCIAL BUSINESS (YUNUS & WEBER, 2007). THE SEVEN PRINCIPLES ARE AS TABLE 1.1 BELOW:	321
SUB THEME 6: STRATEGIC LEADERSHIP AND CHANGE MANAGEMENT	329
THE PROFESSIONAL IDENTITY OF UNIVERSITY LIBRARY LEADERS – AN EMPIRICAL ANALYSIS OF JOB ADVERTISEMENTS	330
BUDAYA ORGANISASI CEMERLANG : MEMPERKASA PERPUSTAKAAN UTM MELALUI NILAI TERAS ISES	353
PERPADUAN DALAM KEPELBAGAIAAN:	365
SEJAUH MANA PERPUSTAKAAN MENYOKONG ASPIRASI KERAJAAN UNTUK KALIS MASA HADAPAN	365
PERPUSTAKAAN SEBAGAI HAB VIBRAN:	376
PERANAN KEPIMPINAN PUSTAKAWAN KALIS MASA DEPAN	376
INOVASI DAN PENGUKUHAN PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN: PERKONGSIAN PENGALAMAN OLEH PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM NEGERI PERAK	386
PENTAKSIRAN PEMBAZIRAN DAN ANALISIS KESAN:	402
KERANGKA DAN TEKNIK LEAN-KAIZEN DI PERPUSTAKAAN	402
SUB THEME 7: DATA DRIVEN DECISION MAKING	412
WHAT CAN MALAYSIA LEARN FROM A BIBLIOMETRIC ANALYSIS OF INTEGRATING HUMAN PREFERENCES AND DATA-DRIVEN DECISION-MAKING?	413
A DECADE OF AGRICULTURAL RESEARCH: BIBLIOMETRIC ANALYSIS OF MALAYSIAN PUBLICATIONS (2015-2024)	434
PENGARUH FAKTOR KUALITI PERKHIDMATAN LIBQUAL+ TERHADAP KEPUASAN PELANGGAN PERPUSTAKAAN UNIVERSITI PASCA PANDEMIK	454

SUB THEME 8: COLLABORATIVE AND NETWORKED SERVICES	465
PERANAN PUSTAKAWAN DAN PERPUSTAKAAN UNTUK KETERLIHATAN PENYELIDIKAN UNIVERSITI: KAJIAN KES UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA	466
KOLABORASI SERTA PERANAN PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA (PNM) DALAM PROJEK PENDOKUMENTASIAN SECARA KOMPREHENSIF PENGETAHUAN TRADISI MELAYU BERKAITAN TUMBUHAN UBATAN DI SEMENANJUNG MALAYSIA	486
BACA@PADDY'S COFFEE HOUSE: PENDEKATAN BAHARU SUDUT BACAAN DI STESEN MINYAK	500
STRATEGIK KOLABORASI DI PERPUSTAKAAN GUNASAMA,	509
HAB PENDIDIKAN TINGGI PAGOH	509
SUB THEME 9: ECONOMIC MODELS AND FUND STRATEGIES	520
TABUNG WAKAF: WADAH KELESTARIAN KEWANGAN PERPUSTAKAAN UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA (UKM)	521
GERAN PENERBITAN: INISIATIF KELESTARIAN KEWANGAN SOKONGAN PENYELIDIKAN PERPUSTAKAAN UNIVERSITI SAINS MALAYSIA	539
ASSESSING TRANSFORMATIVE AGREEMENTS (TAs) OPTION: BENEFITS, DRAWBACKS, AND STRATEGIC FIT	548
HASIL BERBUDI KEPADA TANAH: KONSEP KEBUN KITA SERTA IMPAKNYA KEPADA SOSIOEKONOMI KOMUNITI SETEMPAT DI KG. LINDUNGAN, PETALING JAYA	560
SUB THEME 10:	573
INTELLECTUAL PROPERTY MANAGEMENT IN THE DIGITAL AGE	573
PENGURUSAN HAK CIPTA DATA PENYELIDIKAN: PERANAN PERPUSTAKAAN DAR AL-HIKMAH, UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA MALAYSIA (UIAM)	574
INTELLECTUAL PROPERTY RIGHTS AND CULTURAL HERITAGE IN SARAWAK: PRESERVATION THROUGH EDUCATION	593

Grup Pengkarya Pustakawan: Kolaborasi Warga Perpustakaan Melalui Penulisan ke Arah Pembangunan Profesional dan Pembelajaran Sepanjang Hayat

Nor Azzah Momin^{1*}, Khairulbahiyah Yaakub², Siti Azizah Md Nor³

¹*Perpustakaan, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia,* ²*Perpustakaan UTM, Universiti Teknologi Malaysia 81310 Johor Bahru, Malaysia,* ³*Perpustakaan Dar al-Hikmah, Universiti Islam Antarabangsa, 53100 Gombak, Kuala Lumpur, Malaysia.*

*¹norazzah@usim.edu.my, ²kbahiyah@utm.my, ³sitiazizah@iium.edu.my

ABSTRAK

Grup Pengkarya Pustakawan (GPP) telah dicetuskan idea penubuhannya pada awal tahun 2017 dengan mengambil contoh daripada kumpulan Pengkarya Guru. Ia bertujuan merencanakan aktiviti penulisan dalam kalangan pustakawan, sama ada dalam bidang penulisan kreatif atau penulisan bukan kreatif; penulisan ilmiah dan separa ilmiah. GPP juga berhasrat untuk mengangkat tema-tema penulisan berkisar tentang perpustakaan, pustakawan, budaya membaca, budaya ilmu dan lain-lain tema yang seangkatan. Ini kerana penulisan berkenaan perpustakaan, pustakawan dan kepustakawanan dilihat tidak banyak ditulis dan diketengahkan kepada masyarakat dan menyebabkan persepsi terhadap kerjaya pustakawan dan institusi perpustakaan tidak berada dalam kedudukan yang cukup positif. GPP bergerak secara rasmi melalui satu *platform page* yang diwujudkan di Facebook atas nama Grup Pengkarya Pustakawan sejak tahun 2018. Diselenggara oleh para penulis kertas kerja ini, dengan jumlah ahlinya telah meningkat kepada seramai 265 orang ahli pada waktu ini. Kertas kerja ini akan memberikan fokus kepada perkongsian berkaitan sejarah penubuhan dan objektif penubuhan GPP. Ia akan turut membawakan ulasan-ulasan literatur berkenaan penulisan dan pustakawan, aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan serta kejayaan yang telah dicapai dari sudut penganjuran aktiviti dan juga penerbitan hasil penulisan. Seterusnya kertas ini akan mengulas berkenaan impak penubuhan GPP kepada proses pembelajaran sepanjang hayat serta pembangunan profesionalisme warga perpustakaan secara berterusan, selain membawakan impaknya kepada bidang ekonomi dan sosial, termasuk dalam pembinaan hubungan di antara warga perpustakaan seluruh Malaysia serta hubungan dengan pihak lain dalam industri perbukuan. Satu soal selidik ringkas turut diedarkan untuk mengetahui tahap keterlihatan dan impak GPP kepada warga perpustakaan. Di akhir kertas kerja, penulis akan membawakan isu-isu dan cabaran yang dihadapi dalam pengurusan GPP sama ada di peringkat dalaman atau luaran, serta berkongsi perancangan GPP pada masa akan datang. Kertas kerja ini diharapkan dapat memperkenalkan GPP kepada para peserta dan dilihat impaknya selepas enam tahun penubuhannya.

Keywords: Grup Pengkarya Pustakawan, Penulisan Pustakawan, Pembelajaran Sepanjang Hayat, Pustakawan Sebagai Penulis, Pembangunan Profesionalisme Pustakawan

PENDAHULUAN

“Pustakawan masih lemah dalam penulisan”. Begitulah petikan daripada ucapan Presiden Persatuan Pustakawan Malaysia, Dato’ Nafisah Ahmad, dalam ucapannya yang disampaikan dalam Mesyuarat Agung Tahunan PPM pada 25 Julai 2020.

Menurut pandangan Ahmad Shawqi (2017), salah seorang pemenang pemilihan Pustakawan Berprestasi Terbaik Tingkat Nasional 2016 (Perpustakaan Nasional Indonesia), pustakawan secara logiknya sangat mudah untuk menulis disebabkan kedudukannya yang sering berada dalam ruangan yang dipenuhi bahan rujukan untuk menulis. Namun menurut beliau, minat menulis pustakawan ‘sangat rendah sekali’.

Dalam masa yang sama, aktiviti penulisan dalam media-media arus perdana, media sosial serta pelbagai platform penerbitan lain, dilihat penting bagi memberikan persepsi positif terhadap fungsi perpustakaan serta kerjaya dalam bidang kepustakawanan. Keterlihatan sesebuah institusi, pertubuhan atau sesuatu kumpulan manusia bergantung kepada kewujudannya menjadi mauduk utama, tajuk bicara dan berita dalam media.

Anugerah Tokoh Pustakawan dan Anugerah Pustakawan Harapan yang diperkenalkan oleh Persatuan Pustakawan Malaysia sejak lebih 10 tahun lalu, meletakkan antara kriterianya: Menghasilkan dengan jayanya penulisan yang dapat mempertingkatkan profesion.

Begitu juga para pustakawan di Amerika Syarikat menjadikan produktiviti dalam penyelidikan dan penulisan sebagai salah satu kriteria penting dalam penilaian prestasi tahunan dan syarat kenaikan pangkat. Justeru, Campbell, *et. al.* (2012) berpandangan bahawa penulisan secara kolaboratif boleh membantu untuk meningkatkan produktiviti pustakawan mereka dalam penyelidikan dan penulisan. Malah mereka berjaya menghasilkan pencapaian yang lebih baik daripada apa yang mereka sasarkan.

Di Malaysia, pada 5 Mei 2017, Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia telah melancarkan penerbitan hasil karya kumpulan guru-guru yang berminat dalam penulisan kreatif. Sebanyak lima buah novel dan satu judul antologi cerpen tulisan kumpulan Pengkarya Guru ini, sempena Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 2017.

Melihat kejayaan mereka ini, tercetus idea penubuhan Grup Pengkarya Pustakawan (GPP) pada awal tahun 2017. Proses mendapatkan sokongan daripada para pustakawan Malaysia telah dimulakan pada akhir tahun 2017 dan pada 30 Ogos 2018 platform GPP di Facebook telah diwujudkan sebagai sebuah grup yang bergerak secara sukarela oleh beberapa orang penggerak.

Selepas lebih lima tahun penubuhannya, GPP telah berjaya menghasilkan beberapa pencapaian yang boleh dibanggakan untuk sebuah kumpulan yang berjalan secara sukarela dari sudut penganjuran aktiviti, penerbitan, pembinaan jaringan kerjasama sesama pustakawan, bersama penerbit serta pihak industri. Ia juga secara tidak langsung telah membantu dalam melahirkan warga perpustakaan yang mengalis masa hadapan dengan berinovasi, beradaptasi dan sentiasa inginkan kecemerlangan.

KAJIAN LITERATUR

Campbell *et al.* (2011) menekankan bahawa penubuhan kumpulan penulisan kolaboratif dalam kalangan warga perpustakaan dapat menyumbang kepada peningkatan produktiviti individu serta pembangunan profesional. Menurut Lowry *et al.* (2004) penulisan kolaboratif membawa maksud “*an interactive and social process that involves a team focused on a common objective that negotiates, coordinates, and communicates during the creation of a common document.*” Namun kolaborasi ini bukan satu tanggungjawab mudah. Dalam konteks dan pengalaman GPP aktiviti kolaboratif penulisan ini bermula dengan inisiatif individu yang dipanjangkan ideanya kepada rakan dalam profesion dan minat yang sama. Ia merupakan satu perjalanan yang panjang sehinggalah ke hari ini. GPP turut menggunakan platform Facebook sebagai wadah komunikasi dan penyampaian maklumat terkini. Melalui platform ini, ahli berkongsi tip penulisan dan maklumat terkini berkaitan peluang-peluang penulisan yang boleh diceburi. Matlamat utama penubuhan GPP adalah untuk memperkasa profesion dan bidang kepustakawanan melalui penulisan.

Lingard (2021) mengatakan aktiviti penulisan melibatkan proses *brainstorming, conceptualizing, outlining, drafting, reviewing, revising* dan *editing*. Justeru, usaha penulisan kolaboratif ini memerlukan perancangan strategik jangka panjang serta penyelarasan yang berkesan agar setiap proses penulisan sehinggalah ke penerbitan berjalan lancar. Justeru, GPP mengorak langkah menganjurkan beberapa siri bengkel penulisan sebagai persediaan awal untuk warga perpustakaan menulis. GPP turut membentuk grup editor yang bertindak sebagai penyelarasan projek penulisan. Selain bertindak sebagai editor, grup ini aktif mengadakan perbincangan dan *brainstorming* bagi perancangan projek seterusnya.

Projek penulisan secara kolaboratif ini tidak terlepas daripada cabaran. Antara cabaran yang kerap dihadapi adalah konflik peribadi, persekitaran yang kompetitif, komunikasi, perbezaan matlamat serta sumber kewangan (Campbell *et al.*, 2011). Kajian itu turut menyenaraikan tujuh kondisi yang perlu untuk memastikan kejayaan dalam penulisan; memperkenalkan segera sasaran dalam penerbitan, sokongan ketua jabatan, penjadualan yang fleksibel, sokongan rakan sekerja, sokongan pihak pengurusan, sokongan persekitaran di tempat kerja, dan sokongan kewangan. GPP turut berhadapan dengan cabaran yang hampir sama lantaran aktiviti penulisan ini adalah secara sukarela dan di luar tugas hakiki. Warga pustakawan yang terlibat dengan GPP perlu memberikan komitmen yang tinggi dan saling mendokong antara satu sama lain. Sumber kewangan juga menjadi cabaran terbesar dalam merealisasikan sesebuah penerbitan. Justeru GPP perlu lebih kreatif dalam mencari sumber pendanaan dari pihak luar.

KAEDAH DAN PERBINCANGAN

Latar Belakang dan Sejarah GPP

Grup Pengkarya Pustakawan (GPP) telah dicetuskan idea penubuhannya pada awal tahun 2017 dengan mencontohi daripada kumpulan Pengkarya Guru yang telah berjaya menghasilkan banyak penerbitan dalam kalangan guru-guru yang bernaung di bawah kumpulan ini.

Ia bermula setelah Nor Azzah berbincang secara tidak formal dengan rakan pustakawan, Adnan Haris (Pustakawan Yayasan Kepimpinan Perdana) dan Kamal Sujak (Ketua Pustakawan Multimedia University) dalam satu pertemuan di perpustakaan Negara Malaysia.

Beliau kemudiannya membuat satu tinjauan ringkas di Platform Facebook Sembang

Pustakawan berkenaan minat ahli-ahli dalam Sembang Pustakawan pada 21 Ogos 2018 untuk melihat minat para pustakawan untuk terlibat dalam kumpulan pengkarya ini. Sebanyak 279 orang telah memberikan maklum balas kepada tinjauan tersebut. Hampir separuh daripada responden berminat dengan tulisan separa ilmiah (46%), 23% berminat berminat dengan penulisan karya fiksi, dan 20% berminat dengan penulisan karya ilmiah.



Rajah 1: Tinjauan genre yang diminati oleh pustakawan dalam penulisan


Berdasarkan tinjauan ini, platform GPP di Facebook diwujudkan dengan mengundang mereka yang menjawab tinjauan awal untuk menyertai kumpulan ini. Ia bergerak aktif di sini dan diselenggarakan oleh para penulis kertas kerja ini, dengan jumlah ahlinya telah meningkat kepada seramai 265 orang ahli pada waktu ini.

Platform Facebook GPP digunakan sebagai lokasi utama untuk menyebarkan maklumat berkenaan aktiviti GPP, promosi dan iklan aktiviti berkenaan penganjuran bengkel, kursus, seminar, pertandingan dan lain-lain kepada ahli, selain sebagai tempat berkongsi tips penulisan serta motivasi menulis, sesama ahli.

Penubuhan GPP ini bertujuan merencanakan aktiviti penulisan dalam kalangan pustakawan, sama ada dalam bidang penulisan ilmiah dan separa ilmiah; penulisan kreatif atau penulisan bukan kreatif. Ia berhasrat untuk mengangkat tema-tema penulisan berkisar tentang perpustakaan, pustakawan, budaya membaca, budaya ilmu dan lain-lain tema yang seangkatan.

Ini kerana penulisan berkenaan perpustakaan, pustakawan dan kepustakawanan dilihat tidak banyak ditulis dan diketengahkan kepada masyarakat dan menyebabkan persepsi terhadap kerjaya pustakawan dan institusi perpustakaan, budaya membaca serta aktiviti yang berkaitan tidak berada dalam kedudukan yang cukup positif.

Setelah hampir enam tahun GPP bergerak, satu kajian ringkas telah diedarkan dalam kalangan ahli GPP di platform Facebook serta para penulis yang pernah terlibat dalam aktiviti GPP.



Rajah 2: Kaedah Responden mengetahui tentang GPP

Jadual 1: Kaedah Responden mengetahui tentang GPP

Bagaimana anda tahu tentang Grup Pengkarya Pustakawan (GPP)?			
Kaedah	Facebook	Rakan Pustakawan	Jumlah
Responden	19	21	40
Peratus	47	53	100

Berdasarkan rajah dan jadual di atas, Jumlah responden yang mengetahui mengenai GPP melalui Facebook dan daripada rakan-rakan pustakawan hampir sama, iaitu 21 orang (53%) tahu berkenaan GPP melalui rakan-rakan Pustakawan, manakala selebihnya 19 orang (47%) mengetahui berkenaan GPP melalui Facebook sendiri.



Rajah 3: Penyertaan Responden dalam Facebook GPP

Jadual 2: Penyertaan Responden dalam Facebook GPP

Adakah anda salah seorang daripada ahli dalam Facebook GPP?			
Maklum Balas	Ya	Tidak	Jumlah
Responden	35	5	40
Peratus	88	12	100

PENCAPAIAN GPP

Grup Pengkarya Pustakawan telah menunjukkan pencapaian yang membanggakan dalam penganjuran pelbagai bengkel penulisan dengan tujuan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran terutamanya dalam bidang penulisan dalam kalangan pustakawan. Begitu juga kejayaan dari sudut membina minat untuk berkongsi maklumat-maklumat berkenaan acara dan aktiviti penulisan dan menghadirinya secara bersama. Pencapaian lain adalah dalam penerbitan artikel majalah dan buku serta seterusnya pencapaian dalam sesi-sesi bengkel dan bual bicara yang mengetengahkan ahli GPP sebagai ahli panel dan pembimbing.

PENGANJURAN BENGKEL DAN KURSUS

1.1 Bengkel Penulisan Kertas Kerja Persidangan

Antara pencapaian terawal GPP adalah penganjuran *Writing Conference Paper for Local Regional and International Conference*. Bengkel pertama yang dianjurkan oleh GPP ini diadakan pada 29 September 2018 di Perpustakaan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) ini berjaya menarik perhatian para pustakawan dan penyelidik daripada pelbagai institusi untuk menyertainya. Bengkel tersebut telah dihadiri oleh seramai sembilan orang peserta yang terdiri daripada para pustakawan dari perpustakaan awam, swasta dan akademik, termasuk seorang peserta bukan pustakawan.

Ia menampilkan penceramah berpengalaman, Dr Diljit Singh yang merupakan pakar dalam penulisan akademik dan kertas persidangan yang memberikan khidmatnya secara percuma. Yuran penyertaan sebanyak RM30.00 seorang dikenakan untuk membiayai belanja makan-minum sepanjang bengkel sahaja. Sepanjang tempoh berlangsungnya bengkel ini, beliau telah berkongsi teknik dan strategi untuk menghasilkan kertas kerja yang berkualiti kepada para peserta.

Beberapa orang peserta berjaya menghasilkan kertas kerja persidangan yang diterima untuk pembentangan di pelbagai persidangan nasional dan antarabangsa. Ini meningkatkan reputasi peserta dan institusi masing-masing sekaligus menaikkan lagi semangat untuk meneruskan sesi seumpamanya pada masa hadapan.

Memandangkan bengkel ini diadakan di USIM, Nilai Negeri Sembilan, penganjur amat menggalakkan penyertaan daripada pustakawan dari Melaka, Negeri Sembilan, Putrajaya, Kuala Lumpur dan Selangor kerana ia boleh menjadi platform bagi para peserta membina jaringan antara pustakawan terutamanya bagi zon tengah, berkongsi idea, dan kolaborasi dalam penyelidikan, sekaligus melonjakkan profesionalisme pustakawan di tanah air.

1.2 Bengkel Penulisan Artikel Majalah

Selain daripada penganjuran bengkel penulisan kertas kerja persidangan, GPP dengan kerjasama Jawatankuasa Perpustakaan Islam, Persatuan Pustakawan Malaysia (PPM) serta Perpustakaan USIM turut menganjurkan Bengkel Penulisan Artikel Majalah pada 10 Februari 2020, juga bertempat di Perpustakaan USIM. Bengkel ini menekankan penulisan artikel separa ilmiah dan teknik-teknik untuk menarik perhatian pembaca majalah. Peserta belajar bagaimana menulis dengan gaya yang sesuai untuk artikel majalah gaya Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).

GPP menerima penyertaan yang memberansangkan daripada para pustakawan. Hasil daripada bengkel ini, ramai peserta berjaya menerbitkan artikel mereka dalam Dewan Tamadun Islam keluaran DBP. Bimbingan dalam penulisan diberikan secara berterusan oleh GPP kepada mereka yang berminat untuk menulis artikel di majalah ini, sebelum dibantu penghantarannya oleh pihak GPP juga. Hal ini bukan sahaja meningkatkan profil mereka sebagai pustakawan tetapi juga turut menyumbang karya yang berkualiti sebagai bahan bacaan kepada masyarakat umum.

Melalui bengkel ini juga, para peserta turut mendapat peluang untuk berinteraksi dengan editor majalah dan membina jaringan yang utuh untuk kerjaya mereka sebagai pustakawan dan pengkarya. Dengan ini keterlihatan mereka lebih menyerlah sekaligus membuka peluang yang luas untuk mereka menulis pelbagai genre pada masa hadapan.

1.3 Bengkel Penulisan Memoir/Kisah Hidup

Selang beberapa tahun, GPP sekali lagi mengorak langkah ke hadapan dengan penganjuran bengkel penulisan memoir pula iaitu pada 15 Januari 2022. Kali ini sambutan lebih hebat diterima daripada para pustakawan dari seluruh negara.

Banyak faktor yang menyumbang kepada sambutan hangat ini. Antaranya, platform dalam talian yang digunakan untuk bengkel ini memudahkan para peserta kerana mereka tidak perlu hadir secara fizikal ke lokasi bengkel. Kos yang perlu ditanggung oleh peserta juga lebih rendah memandangkan mereka hanya perlu membayar yuran bengkel sahaja.

Melalui bengkel ini, peserta mendapat pendedahan kepada teknik penulisan memoir yang berkesan, termasuk cara menyusun jalan cerita, menggunakan kaedah *show, don't tell*, menggambarkan perasaan, dan menghidupkan semula kenangan dengan cara yang menarik. Hampir 50 peserta berjaya menghasilkan draf pertama memoir mereka. GPP terpaksa membahagikan karya kepada dua projek penerbitan iaitu Siri 1 dan Siri 2.

Bengkel ini juga membantu membina komuniti penulis dalam kalangan pustakawan sekaligus mengaktifkan lagi GPP dalam dunia penulisan tanah air. Komuniti ini bukan sahaja menambah kenalan dan membina jaringan dalam profesion pustakawan tetapi juga saling menyokong dan memberi maklum balas kepada karya masing-masing, mewujudkan suasana yang kondusif untuk perkembangan penulisan.

Ilmu yang ditimba melalui bengkel ini turut dimanfaatkan oleh ramai peserta untuk terlibat dalam beberapa projek penulisan anjuran banyak pihak lain di luar ruang lingkup kepustakawanan.

1.4 Bengkel Penulisan di Sekolah - Perkongsian Buku Bersama Penulis

Pada 25 April 2024, GPP mengembangkan lagi sayapnya apabila mengambil langkah berani dengan menerima undangan untuk menjadi pembimbing dalam sebuah bengkel penulisan untuk pelajar sekolah pula. Grup ini telah membuktikan keupayaan tersendiri apabila berjaya menambat hati para guru daripada Sekolah Menengah Kebangsaan Puteri, Seremban, Negeri Sembilan untuk menjemput tiga orang pustakawan yang menggerakkan grup ini iaitu para penulis kertas kerja ini, sebagai penceramah bengkel penulisan kepada para pelajar di sini.

Secara keseluruhannya, GPP telah berjaya dalam penganjuran bengkel penulisan ini dengan memberi manfaat yang besar bukan sahaja kepada para pustakawan tetapi juga kepada pelajar sekolah dari segi peningkatan kemahiran, peluang penerbitan, dan menjadi platform

untuk membina jaringan dalam dunia penulisan.

PENERBITAN KARYA

2.1 Artikel Majalah

Selepas menghadiri Bengkel Penulisan Artikel Majalah dengan pihak DBP, usaha untuk membuat *coaching* kepada para penulis sasaran telah dijalankan oleh GPP bagi memastikan hasrat asal bengkel diadakan, dapat dicapai. Penerbitan ditumpukan kepada satu majalah sahaja bagi memberikan tumpuan dan fokus dengan lebih baik.

Senarai artikel majalah yang sudah diterbitkan dalam majalah Dewan Tamadun Islam terbitan DBP, adalah seperti berikut:

1.	Nor Azzah Momin. (September 2020). "Perpustakaan USIM: Taman Ilmu di Bumi Minang".
2.	Mohd. Hanafi Mohamed. (November 2020). "Perpustakaan Imam al-Syafi'i: Paduan Tradisi dengan Teknologi". (Perpustakaan UIS)
3.	Siti Azizah Md. Nor, Maznah Zakaria & Wan Salwati Wan Salleh. (Disember 2020). "Perpustakaan Syed Naquib Al-Attas: Permata yang Bersinar". (Perpustakaan ISTAC, UIA).
4.	Hayatul Azlah Ghazali & Shahrudin Shafri. (Mei 2022). "Unit Arab dan Tamadun Islam Perpustakaan Tun Sri Lanang" (Perpustakaan UKM).
5.	Noorfadzilah Mokhtar & Sofiah Khalid. (September 2022). "Perpustakaan Al-Wathiqu Billah: Khazanah Warisan Ilmu". (Perpustakaan UniSZA)
6.	Fauziah Awang@Wan Jaafar. (Disember 2022). "Maktabah Al-Ghazali: Pusat Ilmu dan Rujukan Islam". (Perpustakaan Masjid Muktafi Billah Shah, Kuala Terengganu).

Tidak dinafikan bahawa terdapat juga hasil penulisan artikel majalah oleh ahli GPP yang tidak direkodkan, kerana semua ahli adalah bebas untuk menghantar penulisan mereka kepada mana-mana penerbit secara individu.

2.2 Penerbitan Buku

Senarai buku yang sudah diterbitkan belum begitu banyak, kerana proses penulisan dan penerbitan yang perlu melalui proses yang panjang dan mengambil masa yang lebih panjang. Penerbitan buku yang diuruskan secara kolektif di bawah inisiatif GPP adalah seperti berikut:

Semarak Rindu Pesta Buku

"Semarak Rindu Pesta Buku" adalah penerbitan sulung GPP dalam kategori buku. Kesemua 11 karya di dalam buku ini dihasilkan oleh sekumpulan pencinta buku yang terdiri daripada pustakawan, pembantu pustakawan dan ahli kelab perpustakaan, yang begitu bersemangat dalam menghidupkan budaya membaca sekaligus menyokong industri perbukuan tanah air. Mereka sanggup mengeluarkan biaya sendiri bagi memastikan penerbitan buku ini direalisasikan.

Penerbitan ini disifatkan sebagai meraikan semangat dan kecintaan terhadap aksara. Buku yang diterbitkan pada awal tahun 2024 ini, mengandungi pelbagai kisah yang ditulis untuk menggambarkan pengalaman, pandangan, dan pengamatan mereka terhadap dunia perbukuan dan pembaca. Kisah-kisah yang diketengahkan adalah kenangan manis di Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL), impian dan harapan terhadap budaya membaca dalam kalangan masyarakat.

Melalui penerbitan ini, GPP berharap dapat menyemarakkan lagi minat dan cinta terhadap buku di kalangan masyarakat, sekaligus menonjolkan peranan penting pustakawan dan pihak-pihak lain dalam industri buku, serta dalam memupuk budaya ilmu. Buku ini juga bertujuan untuk menginspirasi dan memberi motivasi kepada generasi muda untuk menghargai dan mencintai ilmu pengetahuan serta dunia perbukuan.

Bagi penulis "Semarak Rindu Pesta Buku" adalah sebuah *tribute* kepada semua penganjuran PBAKL dan mereka yang berusaha tanpa jemu untuk menyebarkan ilmu pengetahuan melalui penulisan.

Memoir Pustakawan: Kisah Orang Pustaka

Pencapaian yang paling membanggakan bagi GPP setakat ini adalah kelahiran buku yang diterbitkan di bawah rumah penerbitan Kata-Pilar Books dengan judul Memoir Pustakawan: Kisah Orang Pustaka (MPKOP). Penerbitan kali ini adalah sebuah buku yang merangkumi koleksi pengalaman yang dikongsi oleh pustakawan dari pelbagai latar belakang. Buku ini menyajikan kisah benar dan menarik tentang kehidupan dan kerjaya pustakawan, serta peranan penting mereka dalam masyarakat.

Siri satu ini memberi peluang kepada 30 pengkarya untuk berkongsi kisah hidup dan pengalaman peribadi dalam bidang kepustakawanan dengan lebih meluas. Buku yang mengumpulkan pelbagai kisah yang menyentuh hati, penuh inspirasi, dan kadang-kadang mencuit hati ini menggambarkan pengalaman pustakawan dalam menjalankan tugas harian mereka. Kisah-kisah yang dinukilkan di sini termasuklah interaksi dengan pembaca, kisah menarik dari koleksi buku, dan cabaran yang dihadapi dalam dunia perpustakaan.

Selain pengalaman peribadi, buku ini juga menyentuh aspek profesional pustakawan, termasuk perkembangan teknologi dalam bidang perpustakaan, peranan pustakawan yang sentiasa berusaha untuk kekal cemerlang, kekal relevan dalam masyarakat, dan strategi serta inovasi yang digunakan untuk menarik lebih ramai pembaca.

Buku ini turut menonjolkan peranan penting pustakawan sebagai pengurus ilmu pengetahuan dan pemudah cara kepada pembaca. Ia juga memperlihatkan bagaimana pustakawan beradaptasi dengan perubahan zaman dan memenuhi keperluan komuniti yang sentiasa berkembang.

MPKOP adalah satu bentuk penghargaan kepada semua pustakawan yang begitu berdedikasi dan memberi komitmen yang penuh dalam memastikan ilmu pengetahuan dapat diakses oleh semua lapisan masyarakat. Buku ini juga bertujuan untuk meningkatkan kesedaran tentang kepentingan perpustakaan dan pustakawan dalam memupuk budaya membaca dalam melahirkan masyarakat berilmu di negara kita.

Memoir yang dihasilkan oleh peserta Bengkel Penulisan Memoir/Kisah Hidup anjuran GPP ini mendapat penghargaan daripada Persatuan Pustakawan Malaysia (PPM) dan komuniti pembaca di Malaysia. Ini membuktikan bahawa penganjuran bengkel penulisan yang diusahakan oleh GPP berjaya melahirkan penulis memoir yang berbakat dalam kalangan pustakawan di negara kita.

Buku ini diharapkan dapat memberikan inspirasi kepada pustakawan muda dan menanamkan rasa bangga terhadap profesion pustakawan. Ia juga bertujuan untuk mendekatkan masyarakat dengan perpustakaan dan menggalakkan mereka untuk lebih menghargai peranan pustakawan dan sumber-sumber ilmu yang ada.

2.3 Lain-lain Penyertaan Ahli GPP dalam Penulisan

Selain daripada dua bentuk penerbitan di atas, ahli-ahli GPP telah juga menghasilkan beberapa jenis karya yang secara individu. Maklumat ini didapati berdasarkan tinjauan yang telah dijalankan. Separuh (50%) daripada responden menyatakan bahawa mereka pernah menghasilkan karya dan penulisan yang bersumberkan hantaran dan perkongsian dalam GPP di Facebook.




Rajah 4: Penghasilan karya bersumberkan hantaran dalam GPP di FB

Adakah anda pernah menghasilkan apa-apa karya/penulisan bersumberkan hantaran dalam GPP di FB			
Maklum Balas	Ya	Tidak	Jumlah
Responden	20	20	40
Peratus %	50	50	100

Jadual 3: Penghasilan karya bersumberkan hantaran dalam GPP di FB

Platform-platform lain turut digunakan sebagai sumber bagi mendapatkan maklumat berkenaan ruang dan projek penerbitan selain yang dikongsikan di Facebook GPP. Dengan ilmu penulisan dan motivasi yang ada, mereka telah terlibat dengan pelbagai penulisan lain.



Rajah 5: Jenis Karya yang Telah Dihasilkan

Jadual 4: Jenis Karya yang Telah Dihasilkan

Jika Pernah, apakah jenis karya/penulisan yang telah anda hasilkan? Boleh tandakan lebih daripada satu jawapan.							
Genre Karya	Memoir	Anekdote	Artikel Jurnal	Kertas Kerja Persidangan	Puisi/Sajak/Pantun	Artikel Majalah/Buletin/Laman Web/Internet	Artikel Akhbar
Jumlah	12	7	3	4	2	3	1
Peratus	54.5	31.8	13.6	18.2	9.1	13.6	4.5

Soalan di atas telah dijawab oleh seramai 22 daripada 40 responden. Responden dibenarkan untuk menyatakan pelbagai jenis karya dan penulisan yang pernah mereka hasilkan.

Berdasarkan jadual dan carta di atas, 12 (54.5%) responden menulis memoir, 7 (31.8%) responden menulis anekdot, 4 (18.2%) responden menulis kertas kerja persidangan, 3 (13.6%) responden menulis artikel jurnal dan 3 responden juga menulis artikel majalah, buletin, dan laman web internet; dan hanya 1 (4.5%) responden menulis artikel akhbar.

Hubungan Industri

GPP juga telah membina beberapa hubungan dengan pihak industri yang menjadi antara pemain penting dalam industri perbukuan bagi memungkinkan karya-karya ahli GPP dapat diterbitkan dan memasuki industri dengan cara yang betul. GPP telah membina hubungan dengan pihak-pihak berikut:

i. *Dewan Bahasa dan Pustaka* - secara khususnya dengan editor dan kumpulan penerbitan majalah Dewan Tamadun Islam yang telah memberikan bimbingan dalam Bengkel Penulisan Artikel Majalah DBP dan bagi penerbitan karya-karya penulis GPP dalam bentuk artikel majalah yang mengetengahkan makalah berkaitan perpustakaan masing-masing.

ii. *Percetakan Tukang Buku* - hubungan bersama syarikat percetakan ini berlaku dalam penerbitan buku Semarak Rindu Pesta Buku. Memandangkan penerbitan buku ini merupakan penerbitan pertama GPP dan menggunakan dana para penulis sendiri, proses penerbitannya memerlukan ketelitian bagi memastikan ia menjadi projek yang bersesuaian dengan kemampuan dana para penulis yang terdiri daripada para pelajar dari Kelab Perpustakaan dan para pustakawan yang kebanyakannya merupakan penulis pemula. Syarikat Tukang Buku yang maklum dengan kedudukan GPP yang pertama kali menerbitkan buku, tidak lokek memberikan bimbingan dan menerangkan setiap peringkat dalam proses percetakan, bermula dengan konsep reka bentuk, pilihan jenis kertas yang lebih baik, urusan permohonan nombor International Standard Book Number (ISBN), reka bentuk, reka letak, urusan permohonan Pengkatalogan Dalam Penerbitan (CIP).

iii. *Penerbit Kata-Pilar Book* - penerbitan buku Memoir Pustakawan: Kisah Orang Pustaka, sememangnya sedari mula disasarkan untuk diterbitkan oleh Kata-Pilar Books kerana genre penerbitan mereka yang cenderung menerbitkan buku-buku anekdot dan memoir berkenaan kerjaya. Sasaran ini menepati kehendak Penyelenggara yang terdiri daripada Nor Azzah, Bahiyah, Siti Azizah dan Noraini apabila 'pitching' awal kepada pihak Kata-Pilar mendapat maklum balas yang positif. Penerbit telah memberikan ruang untuk Penyelenggara menambah baik manuskrip dengan memasukkan ciri-ciri khusus penerbitan mereka seperti Trivia dan penerangan mengenai istilah dalam bidang kepustakawanan. Penerbit juga telah mengusahakan permohonan dana penerbitan dan menguruskan semua urusan percetakan

sehingga ia berjaya diterbitkan dan dilancarkan semasa Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL) 2024. Sebagai kumpulan penulis pemula, GPP berasa berbesar hati dan bangga dengan kejayaan bergabung dengan sebuah rumah penerbitan yang telah mempunyai nama dalam Negara.

IMPAK GPP

1) Impak Sosial

a) *Memupuk Semangat Kecerakanan dan Kebersamaan*

Penubuhan GPP telah berjaya memupuk semangat kecerakanan dan kebersamaan dalam kalangan warga perpustakaan. Melalui projek penulisan, wujud ruang komunikasi profesional antara penulis yang terlibat dengan persekitaran yang saling menyokong dan persaingan yang sihat.



Rajah 6: Penulisan Kolaboratif Membuka Jaringan Kerjasama dan Kecerakanan

Menerusi jadual di atas dan jadual di bawah, 26 (65%) responden bersetuju bahawa projek penulisan secara berkolaborasi telah berjaya membuka jaringan kerjasama dan kecerakanan dalam kalangan pustakawan serta institusi dari dalam dan luar lingkungan kebiasaan mereka. 11 (27.5%) responden memilih untuk tidak menjawab soalan ini, manakala 3 (7.5%) responden mengatakan projek seumpama ini tidak membawa sebarang jaringan Kerjasama dan kecerakanan antara mereka.

Jadual 5: Penulisan Kolaboratif Membuka Jaringan Kerjasama dan Kecerakanan

Sekiranya pernah, adakah projek penulisan kolaboratif ini berjaya membuka jaringan kerjasama dan kecerakanan dalam kalangan pustakawan serta institusi dalam atau luar yang lain?				
Maklum Balas	Ya	Tidak	Tidak Menjawab	Jumlah
Responden	26	3	11	40
Peratus %	65	7.5	27.5	100

b) *Jaringan Kerjasama*

Projek penulisan ini telah menyatukan warga perpustakaan merentasi bidang dan negeri. Ia berjaya membuka peluang jaringan kerjasama strategik yang luas di masa hadapan tidak kira dalam kelompok perpustakaan, penerbit, organisasi luar serta komuniti.



Rajah 7: Penglibatan dalam Projek Penulisan Secara Kolaboratif bersama GPP

Rajah di atas dan Jadual di bawah menunjukkan penglibatan responden dalam projek penulisan secara kolaboratif bersama GPP iaitu 24 (60%) responden pernah terlibat dalam projek kolaboratif dan 16 (40%) daripada mereka pula tidak pernah terlibat. Tempoh yang lebih panjang dan usaha yang lebih gigih mungkin diperlukan untuk membina keyakinan dalam kalangan mereka untuk terlibat dalam projek-projek penulisan sebegini.

Jadual 6: Penglibatan dalam Projek Penulisan Secara Kolaboratif bersama GPP

Pernahkah anda terlibat dalam Projek Penulisan secara kolaboratif bersama GPP?			
Maklum Balas	Pernah	Tidak Pernah	Jumlah
Responden	24	16	40
Peratus	60	40	100

2) Impak Ekonomi

a) Projek Kolaboratif yang Kos Efektif

Usaha kolektif GPP ini telah menawarkan projek penulisan kolaboratif yang kos efektif. Pustakawan yang terlibat menjana dana awal melalui penganjuran bengkel penulisan secara dalam talian. Jaringan kerjasama yang erat bersama penerbit kemudiannya telah membuka ruang memperolehi dana penulisan yang membiayai projek penulisan ini. Pustakawan juga berpeluang mempelajari selok belok promosi, pemasaran malah memperoleh keuntungan daripada jualan buku. Peluang ini secara tidak langsung, merangsang pembangunan profesional pustakawan melalui projek penulisan dengan kos yang sangat minima, malah dapat menjana pendapatan.



Rajah 8: Projek Penulisan Kolaboratif Beri Peluang Pelajari Promosi & Pemasaran

Pernyataan ini disokong dengan maklum balas responden apabila 33 (82.5%) responden bersetuju bahawa projek penulisan secara kolaboratif telah memberi peluang kepada mereka mempelajari selok-belok untuk mempromosikan, memasarkan buku dan seterusnya menjana

pendapatan. Hanya 6 (15%) responden yang menjawab tidak dan 1 (2.5%) memilih untuk tidak menjawab.

Jadual 7: Projek Penulisan Kolaboratif Beri Peluang Pelajari Promosi & Pemasaran

Adakah projek penulisan kolaboratif ini memberi peluang kepada anda untuk mempelajari selok-belok promosi, pemasaran buku dan seterusnya menjana pendapatan di masa hadapan?				
Maklum Balas	Ya	Tidak	Tidak Menjawab	Jumlah
Responden	33	6	1	40
Peratus	82.5	15	2.5	100

b) Memasarkan Kepakaran Pustakawan


Projek penulisan yang berterusan ini bukan hanya menggilap bakat menulis malah menghasilkan pengetahuan tacit dan kepakaran yang boleh dipasarkan kepada khalayak. Penggerak GPP misalnya telah dijemput untuk berkongsi ilmu penulisan kepada pelajar sekolah melalui projek khidmat masyarakat. Secara tidak langsung inisiatif ini juga memberikan suntikan dana berterusan kepada GPP. Beberapa orang penulis turut diundang untuk mengisi sesi-sesi bual-bicara dengan menjadikan pengalaman mereka menulis sebagai modal berbicara. Usaha ini juga meningkatkan reputasi profesyen kepustakawanan dan membuka kepada lebih banyak peluang penjana pendapatan serta pembiayaan dana penulisan.

3) Pembangunan Profesional Pustakawan

GPP berkembang sebagai platform yang memperkaya kompetensi serta pengembangan bakat penulisan dalam kalangan ahlinya. Selain mempelajari ilmu penulisan, penyuntingan asas dan penyelidikan, pustakawan turut mengasah kemahiran berkomunikasi serta bekerja dalam pasukan.

Pustakawan bersedia menerima maklum balas secara terbuka serta berupaya menyampaikan idea yang kritis dengan jelas dan padat. Selain itu projek ini mengasah kemahiran pengurusan projek termasuk kaedah mengurus kos serta menepati masa.

Kenyataan ini dipersetujui oleh majoriti responden iaitu 37 (92.5%) responden bersetuju bahawa projek penulisan kolaboratif memperkaya kompetensi serta pengembangan bakat pustakawan. Tiada yang tidak bersetuju. 3 (7.5%) responden tidak menjawab soalan ini serta tiada yang tidak bersetuju dengan kenyataan ini.



Rajah 9: Projek Penulisan Kolaborasi Memperkaya Kompetensi dan Pengembangan Bakat Pustakawan

Jadual 8: Projek Penulisan Kolaborasi Memperkaya Kompetensi dan Pengembangan Bakat Pustakawan

Adakah projek penulisan kolaboratif ini membantu memperkaya kompetensi serta pengembangan bakat pustakawan?				
Maklum Balas	Ya	Tidak	Tidak Menjawab	Jumlah
Responden	37	0	3	40
Peratus	92.5	0	7.5	100

4) Pembelajaran Sepanjang Hayat

Projek kolaborasi penulisan ini berjaya membudayakan pembelajaran berterusan dalam kalangan pustakawan. Untuk menjadi seorang penulis yang cemerlang, budaya membaca dan budaya ilmu sangat ditekankan. Penulis perlu sentiasa mempersiapkan diri untuk mempelajari tips penulisan serta terbuka menerima idea baharu daripada guru-guru penulisan melalui pelbagai seminar dan bengkel penulisan serta saling bertukar nota dan tip dengan rakan-rakan penulis yang lain.

Menurut pemerhatian kami sebagai penggerak GPP, para peserta dalam projek-projek yang dianjurkan tidak lokek mengeluarkan wang sendiri untuk menghadiri program-program seminar, kursus dan bengkel penulisan yang diadakan bagi memperkayakan ilmu dalam bidang penulisan yang mereka ingini.

Mereka secara tidak langsung menjadi pemangkin serta menyebarkan ilmu penulisan kepada pustakawan di tempat mereka bekerja. Akhirnya, ia menyokong kepada kemajuan kerjaya di masa hadapan.



Rajah 10: Projek Penulisan Kolaboratif Menyokong Pembelajaran Sepanjang Hayat Pustakawan

Jadual 9: Projek Penulisan Kolaboratif Menyokong Pembelajaran Sepanjang Hayat Pustakawan

Adakah projek penulisan kolaboratif ini menyokong pembelajaran sepanjang hayat pustakawan?				
Maklum Balas	Ya	Tidak	Tidak Menjawab	Jumlah
Responden	38	0	2	40
Peratus	95	0	5	100

Rajah dan Jadual di atas menunjukkan 95% atau 38 responden bersetuju sepenuhnya dengan kenyataan bahawa projek penulisan kolaboratif ini dapat menyokong proses pembelajaran sepanjang hayat pustakawan. 2 (5%) responden tidak menjawab dan tiada yang tidak bersetuju.

ISU DAN CABARAN

Grup Pengkarya Pustakawan yang sudah berusia hampir enam tahun penubuhannya menunjukkan perkembangan yang positif kerana telah menganjurkan beberapa siri bengkel penulisan dan mengusahakan penerbitan artikel-artikel majalah, serta buku sehingga terhasilnya beberapa penerbitan artikel dan buku Semarak Rindu Pesta Buku dan yang terbaru, Memoir Pustakawan: Kisah Orang Pustaka. Di sebalik kejayaan yang dikecapi oleh GPP, terdapat beberapa isu dan cabaran yang dihadapi sepanjang penglibatan dalam dunia penulisan.

Cabaran yang paling utama adalah untuk mendapatkan penglibatan para pustakawan dalam menghasilkan karya. GPP menghadapi kesukaran untuk menggalakkan pustakawan menyertai bengkel penulisan dan seterusnya menghasilkan karya. Hal ini terjadi disebabkan kebanyakan daripada mereka merasa dibebankan dengan tanggungjawab yang agak banyak sehingga hilang keterujaan untuk menulis.

Tidak kurang juga, GPP menghadapi kesukaran dalam memastikan semua peserta bengkel terlibat secara aktif dan menyumbang karya untuk penerbitan, terutamanya jika mereka mempunyai latar belakang atau gaya penulisan yang berbeza. Contohnya, dalam penghasilan buku Memoir Pustakawan: Kisah Orang Pustaka, terdapat beberapa karya yang terpaksa disemak dan ditambahbaik berkali-kali sebelum mencapai spesifikasi yang telah ditetapkan. Bagi sesetengah pustakawan di Malaysia, dunia penulisan agak baru mereka. Situasi ini memerlukan latihan khusus dalam penulisan terutamanya penulisan kreatif, kerana mereka selalunya lebih berpengalaman dalam aspek pengurusan maklumat daripada penulisan. Kerja-kerja penyuntingan karya dan penerbitan yang efektif juga memerlukan kemahiran tambahan yang masih belum dikuasai oleh semua peserta.

Dalam menganjurkan sesebuah bengkel penulisan, perancangan yang teliti amat diperlukan. Perancangan yang dimaksudkan di sini termasuklah memilih fasilitator yang berpengalaman, menetapkan masa dan lokasi yang strategik, dan memastikan bahan yang diperlukan untuk para peserta disediakan secukupnya. Proses yang terlibat dalam menguruskan dan menyelaraskan jadual peserta, fasilitator, dan proses penulisan boleh menjadi rumit, terutamanya jika melibatkan ramai orang dengan komitmen yang berbeza. Contoh yang paling jelas dalam hal ini adalah penarikan diri salah seorang penceramah di saat-saat akhir. Situasi ini menimbulkan kekusaran yang bukan sedikit memandangkan bengkel bakal berlangsung dalam masa yang singkat dan GPP perlu cekap mengatur langkah untuk mendapatkan pengganti.

Dalam penghasilan Memoir Pustakawan misalnya, GPP telah menyasarkan untuk mengenegahkan profesion pustakawan dalam masyarakat. Usaha untuk memastikan bahawa kandungan memoir adalah relevan dan memberikan nilai kepada pembaca sasaran, iaitu pustakawan dan masyarakat umum, bukanlah sesuatu yang mudah. Ia memerlukan komitmen dan sokongan padu daripada semua pihak supaya mesej yang cuba disampaikan betul-betul mencapai matlamatnya.

Dari konteks penulisnya pula, penerimaan dan kritikan daripada pembaca, terutama jika memoir melibatkan cerita peribadi atau sensitif, boleh mempengaruhi semangat dan reputasi penulis itu sendiri. Manakala impak jangka panjang daripada penerbitan buku ini harus dinilai dengan teliti dan bagaimana ia mempengaruhi pemahaman masyarakat tentang peranan pustakawan dan persepsi mereka terhadap profesion ini.

Tidak ketinggalan juga isu dan cabaran dari segi penghasilan karya oleh para pustakawan. GPP perlu tegas dalam memastikan bahawa semua kisah ditulis dengan etika dan menghormati privasi individu yang mungkin terlibat dalam cerita tersebut.

Semua situasi ini memberi gambaran bahawa isu yang dihadapi ini memerlukan kerjasama yang erat antara ahli grup, sokongan daripada organisasi pustakawan, serta Persatuan Pustakawan Malaysia. Dengan pendekatan yang sistematik, Grup Pengkarya Pustakawan akan lebih cemerlang dan dapat melahirkan pustakawan yang berkemahiran dalam bidang penulisan seterusnya menghasilkan karya ilmiah dan separa ilmiah serta buku memoir yang mampu menambat hati pembaca dan memberi impak positif kepada masyarakat.

Masalah kewangan juga merupakan salah satu cabaran kepada GPP. Kos yang perlu ditampung untuk penerbitan buku seperti penyuntingan, reka bentuk, dan cetakan boleh menjadi cabaran yang besar sekiranya semua pihak tidak memebrikan kerjasama yang sepatutnya. Selain itu, proses penerbitan, dari penyuntingan hingga cetakan dan pengedaran, memerlukan pengetahuan dan pengalaman khusus. Ini termasuklah memastikan bahawa karya akhir memenuhi standard penerbitan.

Masalah kewangan tidak dihadapi oleh GPP buat masa ini. Ini kerana operasi GPP secara maya dan sukarela tidak memerlukan kos dari sudut pembiayaan upah dan gaji, serta sewaan lokasi dan sebagainya. Perbelanjaan untuk latihan-latihan dan kursus yang telah dijalankan, dibiayai dengan yuran para peserta. Manakala untuk urusan penerbitan artikel majalah, tiada kos diperlukan, sebaliknya penulis dibayar oleh penerbit. Untuk penerbitan buku SRPB, kos penerbitan secara keseluruhannya dibiaya oleh para penulis sendiri, dan khidmat pengurusan oleh GPP, tidak dikenakan sebarang caj. Bagi urusan penerbitan buku MPKOP, keseluruhan kos penerbitan ditanggung sepenuhnya oleh penerbit Kata-Pilar, dan khidmat pengurusan perolehan baha, suntingan awal serta pengurusan penerbitan dibuat oleh GPP secara sukarela dan tiada sebarang caj dikenakan.

Walau bagaimanapun untuk kelangsungan GPP pada masa hadapan, perancangan dari sudut kewangan perlu dibuat dengan lebih rapi bagi memastikan GPP terus lestari dan terus menjadi wadah pengembangan bakat pustakawan dalam pengkaryaan.

PENUTUP

Kewujudan GPP sejak tahun 2018 telah memberi ruang untuk warga perpustakaan berkeaktiviti melalui sesi-sesi pembelajaran yang dijalankan dalam bentuk kursus dan perkongsian maklumat dan ilmu yang mengkhusus dalam tema-tema penulisan di platform Facebook GPP.

Inisiatif ini boleh dianggap sebagai satu inovasi baharu yang telah melahirkan para penulis dalam kalangan warga perpustakaan di pelbagai peringkat jawatan. Ini telah sedikit-sebanyak membantu dalam menyebarkan maklumat dan pengetahuan berkenaan kerjaya pustakawan dan institusi perpustakaan kepada masyarakat.

Kehadirannya bersama-sama hasil karya ahli-ahlinya boleh diterima Masyarakat dalam dunia kepustakawanan serta di luar bidang. Ia secara tidak langsung menyediakan para pustakawan terus berinovasi, beradaptasi dengan keadaan dan terus membina kecemerlangan mengikut kecenderungan masing-masing untuk menjadi diri mereka kalis dengan perubahan zaman.

RUJUKAN

Campbell, Kathy., Ellis, Mark., & Adebajo, Leslie. (2011). Developing a writing group for librarians: the benefits of successful collaboration. *Library Management*, 2012; 33 (1/2 : 14 - 21), DOI 10.1108/01435121211203284

Lowry PB, Curtis A. Lowry MR Building a taxonomy and nomenclature of collaborative writing to improve interdisciplinary research and practice. *J Bus Commun.* 2004;41(1:66–99. doi: 10.1177/0021943603259363.

Shawqi, Ahmad. (2017). Mentradisikan menulis bagi pustakawan. *Media Pustakawan.* 24 (1), 49-54. file:///C:/Users/Acer/Downloads/167-Article%20Text-337-1-10-20190802.pdf